

Headline	Bekal klon bermutu tinggi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	263 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,246
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,738



Bekal klon bermutu tinggi

SUSULAN terhadap penyelidikan mengenalpasti baka elit kacip fatimah, pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) kini sedang mengkaji kaedah atau teknik terbaik untuk memperbanyakkan bahan tanaman elit itu bagi menampung permintaan industri.

Menurut **Dr. Farah Fazwa Md. Ariff**, antara teknik yang sedang dikaji ialah melalui kaedah kultur tisu di dalam sistem TIS atau dikenali sebagai Sistem Rendaman Sementara.

“Selain itu, anak-anak pokok yang terhasil daripada teknik tersebut akan diuji tanam secara perladangan untuk melihat kesesuaian anak pokok beradaptasi di luar (*ex-vitro*)”

“Bukan itu sahaja, FRIM kini sedang dalam usaha bekerjasama dengan beberapa syarikat tempatan untuk membekalkan klon-klon bermutu tinggi kacip fatimah selain sedang giat membantu penduduk kampung di kawasan parlimen Ledang, Johor untuk membiakkan dan menanam klon kacip fatimah terpilih.

“Secara tidak langsung, usaha berkenaan dapat membantu meningkatkan pendapatan isi rumah masyarakat di kampung tersebut,” katanya.

Ditanya lanjut mengenai tumbuhan herba lain yang boleh menggantikan kacip fatimah, beliau menjelaskan, buat masa ini masih belum ada tumbuhan herba lain yang mampu menggantikan herba istimewa itu.

Tambahan lagi, kacip fatimah telah berkurun lama digunakan secara perubatan tradisional dan malangnya, sehingga kini, bahan mentah yang digunakan dikutip

secara liar tanpa mengetahui kuantiti bahan mentah tersebut.

Selain itu, beliau turut berkongsi mengenai senario penyelidikan yang melibatkan herba pada masa kini.

Berdasarkan trend semasa, kesedaran tentang bahaya penggunaan bahan kimia yang terkandung di dalam ubat-ubatan moden menyebabkan masyarakat kini beralih menggunakan khazanah alam secara semula jadi.

Katanya, hal ini kerana produk yang dihasilkan menggunakan bahan asas daripada tumbuhan adalah lebih selamat dan tidak memberi kesan sampingan.

“Bagaimanapun, kebanyakan produk herba tempatan sedia ada masih bernilai rendah dan memerlukan usaha berterusan dengan meningkatkan nilai produk menerusi penyelidikan dan pembangunan.

“Pertumbuhan pesat industri herba menunjukkan jumlah nilai import yang melebihi empat kali ganda berbanding nilai eksport menggambarkan bahawa kuantiti bahan mentah yang digunakan dalam industri herba tempatan adalah tinggi dan kebanyakan sumber adalah dari negara luar.

